

10/10/2002

500 pertubuhan sokong guna bahasa Inggeris

KUALA LUMPUR, Rabu - Lebih 10,000 mewakili kira-kira 500 pertubuhan pelbagai kaum, termasuk 140 pertubuhan Cina, malam ini menyatakan sokongan padu kepada kerajaan untuk meningkatkan penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris di sekolah.

Sokongan itu dinyatakan Presiden Gabungan Ikatan Persatuan Cina Malaysia, Liew Poon Siak yang menganjurkan perhimpunan `Terima Kasih Perdana Menteri' di Stadium Bukit Jalil dekat sini.

Beliau berkata, pihaknya menyokong penuh dasar pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris demi kepentingan pendidikan rakyat.

"Mana-mana pihak tidak harus mempolitikkan isu itu kerana pendidikan adalah untuk ilmu pengetahuan. Saya meminta semua memupuk semangat bersatu dan menyokong Perdana Menteri menjayakan pelaksanaan dasar baru ini.

"Malaysia sebagai satu bangsa akan menuju ke arah Wawasan 2020 yang akan membawa negara ke era teknologi maklumat. Rakyat bersyukur kerana mempunyai seorang Perdana Menteri yang begitu tekun dan berdedikasi," katanya berucap pada majlis itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan amanat pada majlis itu yang turut dihadiri timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta beberapa menteri kabinet.

Terdahulu, ketibaan Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut pergerakan gelombang manusia, lagu Jalur Gemilang dan Negaraku.

Kain rentang turut menghiasi kawasan stadium yang antara lain berbunyi `Dr Mahathir Penyelamat Negara', `Dr Mahathir Bapa Pemodenan, `PM Boleh Malaysia Boleh', `Bersamamu Dr Mahathir Negara Dijulang dan `Dr Mahathir: Malaysia Membina Atas Kekuatanmu'.